

NO. SOALAN: 14

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTANA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [ Marang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan program-program dan jumlah peruntukan Kerajaan bagi memperkasakan Mahkamah Syariah dan membendung jenayah di Malaysia bagi tempoh 1990-2017.**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa penubuhan Mahkamah Syariah adalah berdasarkan Butiran 1, Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bidangkuasa negeri dalam hal ehwal agama Islam. Namun begitu, Kerajaan menyedari dan mengambil berat terhadap usaha-usaha untuk memperkasakan institusi kehakiman Syariah di negara ini.

34

Oleh itu, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang ditubuhkan pada tahun 1998 adalah bagi menyelaraskan sistem pentadbiran Kehakiman dan Perundangan Syariah di Malaysia. Antara tindakan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- 1) Menyelaraskan skim perkhidmatan pegawai-pegawai yang berkhidmat di Mahkamah Syariah. Sehingga kini terdapat 7 buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang dan Sabah telah menyertai skim perkhidmatan gunasama Pegawai Syariah.
- 2) Mewujudkan sistem e-syariah untuk menyelaraskan dan menyeragamkan sistem pengurusan pendaftaran kes-kes di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia agar selari dengan pemakaian undang-undang Syariah yang berkuatkuasa.
- 3) Mewujudkan Arahan Amalan Mahkamah Syariah untuk menyelaraskan pemakaian hukum syarak dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.
- 4) Melaksanakan kaedah Sulh bagi mempercepatkan penyelesaian kes yang bersesuaian dan menepati matlamat undang-undang dan hukum Syarak.
- 5) Mewujudkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di semua negeri-negeri seluruh Malaysia bagi melancarkan proses

penguatkuasaan perintah-perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

- 6) Melantik Pegawai Syariah wanita ke jawatan Hakim Syarie di Mahkamah Syariah selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ke-73, yang bersidang pada 4 hingga 6 April 2006. Sehingga kini antara negeri-negeri yang telah melantik Hakim Syarie Wanita ialah Kelantan, Perlis, Perak, Melaka, Kedah, Sabah, Pahang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan.
- 7) Menyediakan infrastruktur dengan membina Kompleks Mahkamah Syariah yang baru di negeri Kedah, Perlis, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang. Manakala kompleks Mahkamah Syariah baru yang masih dalam proses pembinaan adalah di negeri Pahang dan Sabah.
- 8) Penempatan Pegawai Syariah sebagai pegawai kader di agensi-agensi Kerajaan bagi melicinkan pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia. Antara agensi tersebut adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Bantuan Guaman, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Peguam Negara, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri;

- 9) Membina sistem e-faraid bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kes-kes faraid di kalangan Hakim Syarie di Mahkamah Syariah selari dengan kehendak hukum syarak. Manakala sistem k-faraid turut dibina bagi menyediakan kemudahan kepada masyarakat memperoleh maklumat mengenai ilmu-ilmu faraid sebagai rujukan kepada warga Mahkamah Syariah dan masyarakat awam.
  
- 10) Penglibatan dan pelantikan pegawai JKSM dan Mahkamah Syariah negeri sebagai ahli dalam Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS) bagi membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperkasakan institusi Kehakiman dan Perundangan Syariah dan membuat syor kepada kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan Mahkamah Syariah.

Berhubung dengan **jumlah peruntukan** untuk memperkasakan Mahkamah Syariah pula, adalah dirumuskan seperti berikut:-

- a) Bagi tempoh 5 tahun dari 2014 sehingga 2018, sebanyak **RM 247 juta** untuk Perbelanjaan Mengurus bagi membolehkan JKSM melaksanakan fungsi utamanya iaitu menggubal dasar dan strategi untuk mempertingkatkan prestasi Mahkamah Syariah negeri-negeri.
  
- b) Pembangunan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri diseluruh negara telah dimulakan sejak tahun 2005. Sehingga 2018

sebanyak **RM406.6 juta** diperuntukkan bagi menyiapkan 10 projek Kompleks Mahkamah Syariah.

- c) Pembangunan Sistem E-Syariah versi 1,2 & 3 dan Sistem E-Faraid dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia (RMK) Ke- 9, 10 dan 11 yang berjumlah **RM72.97 juta**.

Berkenaan dengan **program-program membendung jenayah syariah di Malaysia**, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) telah menyelaraskan tindakan penguatkuasaan dan sentiasa berganding bahu dalam menangani kesalahan jenayah syariah di Malaysia. Antaranya :-

- i. Tindakan penguatkuasaan dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasa Agama negeri-negeri dan dengan kerjasama semua pihak termasuk Pihak Polis Di-Raja Malaysia, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya.
- ii. Program kesedaran melalui ceramah, seminar kesedaran dan kegiatan amar makruf turut dilaksanakan supaya masyarakat menjauhi kesalahan jenayah syariah terutama terhadap golongan remaja dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi.
- iii. Kempen pencegahan jenayah syariah juga dilaksanakan di tempat-tempat awam seperti pusat membeli belah, masjid, hentian rehat dan rawat, persimpangan tol di lebuh raya dan pejabat-pejabat Kerajaan. Usaha ini dilakukan bagi memberikan pengetahuan dan peringatan

38

kepada masyarakat terhadap Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang berkuatkuasa sekaligus berperanan menerangkan tindakan dan hukuman yang boleh dikenakan terhadap pesalah.

- iv. Jabatan Agama Islam negeri-negeri juga turut melaksanakan program kaunseling, pemulihan atau kursus kesedaran bagi mereka yang terlibat dengan maksiat dan kesalahan jenayah Syariah khususnya bagi kes-kes yang tidak serius dan tidak mempunyai elemen pembuktian yang mencukupi untuk didakwa di Mahkamah Syariah.

Disamping itu, sebagai pelan jangka panjang, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN) dan jabatan Kerajaan yang berkaitan telah menggubal Pelan Pencegahan Jenayah Syariah Malaysia (2013-2020). Pelan ini menekankan tujuh pelan strategik bagi membendung tersebaranya ajaran sesat dan kesalahan jenayah syariah iaitu peningkatan penghayatan agama, penyelidikan terencana, penyelarasan maklumat jenayah syariah, pemerkasaan pendidikan, pemantapan institusi keluarga, pengukuhan undang-undang dan kolaborasi strategik antara agensi. Setakat ini, ianya berjaya dilaksanakan di peringkat negeri dan menunjukkan kesan positif, dimana kadar jenayah Syariah berada dalam keadaan terkawal dan menurun di setengah negeri.

Sekian, terima kasih.